

# Timba ilmu di kem tajwid

Seramai 30 murid dari tiga sekolah berpeluang tingkat penguasaan tajwid asas dalam bacaan al-Quran

NUR ALINA HASSAN

MUAR-Seramai 30 murid dari Sekolah Kebangsaan (SK) Paya Redan, SK Pekan Pagoh dan SK Kota Raja, Panchor berpeluang meningkatkan kemahiran dan mengukuhkan penguasaan tajwid asas dalam bacaan al-Quran menerusi Tajwid Smart Camp.

Kem sehari itu dianjurkan penutur Kursus Kemahiran Al-Quran Seksyen 4, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Kampus Pagoh.

Pengarah program berkenaan, Muhammad Amirul Mukminin Mohd Razi berkata, kem bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar UTHM yang mengambil kursus kokurikulum Kemahiran Al-Quran mengaplikasikan ilmu yang dipelajari kepada peserta.

"Menerusi program itu, penutur berpeluang membina kemahiran dan mempraktikkan teori yang dipelajari di dalam bilik kuliah dengan membimbing peserta yang terdiri daripada murid sekolah rendah.

"Mereka dapat jalankan amali sebenar dan menimba pengalaman baharu menerusi tujuh unsur Kemahiran



Peserta program Tajwid Smart Camp melakukan aktiviti dalam kumpulan.

Insaniah (*7 Soft Skills*) iaitu kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah, kerja berpasukan dan pembelajaran berterusan serta pengurusan maklumat.

"Selain itu, mereka juga dapat menerapkan ciri keusahawanan, etika serta moral profesional dan kepimpinan dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan

secara langsung atau tidak langsung," katanya pada program itu yang diadakan di UTHM Kampus Pagoh.

Program Tajwid Smart Camp UTHM - Sekolah Rendah Zon Lenga 2017 dirasmikan Penyelia Kokurikulum Pejabat Pendidikan Daerah Muar, Razlan Shahil. Hadir sama, penyelaras program, Mohd Hazli Anuar.

Timbalan pengarah program, Nurul

Penyelia Kokurikulum  
Pejabat Pendidikan  
Daerah Muar, Razlan  
Shahil (berdiri  
tengah) bersama  
peserta program  
Tajwid Smart Camp.

Program diadakan di UTHM  
Kampus Pagoh

Info

Hasyimah Mod Mustapha berkata, program itu dapat memupuk kesedaran dalam kalangan pelajar bahawa peranan mereka bukan di sekitar ruang lingkup bilik kuliah saja tetapi sebagai agen penggerak masyarakat dalam aktiviti kesukarelawan.

Katanya, objektif kem itu untuk memberi inspirasi kepada golongan muda khususnya murid sekolah rendah menjadikan al-Quran sebagai bacaan dan amalan dalam kehidupan melalui kaedah pembelajaran secara kolektif bersama pelajar UTHM yang mengambil kursus itu.

"Selain mengukuhkan penguasaan tajwid asas dalam al-Quran ia juga dapat mewujudkan semangat kerjasama antara pelajar UTHM Kampus Pagoh dengan warga Sekolah Rendah Zon Lenga," katanya.